

KERTAS 1 [1103/1]

Dua jam lima belas minit

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.
2. Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.

## Bahagian A



[30 markah]

[Masa yang dicadangkan: 45 minit]

Rajah di bawah ini menunjukkan sebahagian daripada bukti perasaan sayang akan negara serta maklumat tentang langkah-langkah untuk menyemaikan semangat patriotik dalam diri rakyat Malaysia. Huraikan pendapat anda tentang langkah-langkah untuk menyemaikan semangat patriotik dalam diri rakyat Malaysia. Panjangnya huraian anda hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

### LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENYEMAIKAN SEMANGAT PATRIOTIK

- Pihak pengurusan sekolah perlu mengadakan program patriotik di sekolah
- Sambutan Hari Kemerdekaan perlu diadakan di semua kawasan perumahan
- Kempen yang berterusan melalui media massa



## **Bahagian A**

### **Pendahuluan**

*semangat patriotik ialah semangat cinta akan negara atau kesanggupan untuk mempertahankan negara – perlu disemaikan dalam diri setiap rakyat Malaysia*

### **Isi-isi Penting**

- (a) pihak pengurusan sekolah perlu mengadakan program patriotik di sekolah – diadakan secara jangka pendek atau jangka panjang – akan mendorong pembentukan semangat patriotik*
- (b) sambutan Hari Kemerdekaan perlu diadakan di semua kawasan perumahan – membentuk semangat patriotik dalam diri masyarakat*
- (c) kempen yang berterusan melalui media massa – membentuk semangat patriotik dalam diri rakyat Malaysia – penyiaran elemen-elemen patriotik sebagai tanggungjawab sosial*

### **Penutup**

*setiap rakyat perlu mempunyai kesedaran sendiri dalam soal patriotik ini – mempunyai hasrat dan cita-cita untuk membangunkan negara*

**Bahagian B**

[100 markah]

[Masa yang dicadangkan: 1 jam 30 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah ini dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

- 1 Kemudahan Internet dapat dinikmati oleh masyarakat sama ada di rumah ataupun di tempat-tempat awam.

Huraikan perkara-perkara yang anda lakukan untuk memanfaatkan penggunaan Internet.

- 2 Keluarga yang penyayang dapat mengelakkan anak-anak daripada terjebak dalam kegiatan yang tidak bermoral.

Berikan pendapat anda tentang langkah-langkah untuk melahirkan keluarga yang penyayang.

- 3 Amalan lama seperti budaya tegur-menegur, kunjung-mengunjungi, dan hormat-menghormati dalam kalangan masyarakat hendaklah disuburkan semula.

Bincangkan langkah-langkah untuk menyuburkan budaya tersebut semula dalam kalangan masyarakat.

- 4 Peperangan yang berlaku di sesebuah negara bukan sahaja mengakibatkan kemiskinan, penderitaan manusia, dan kemusnahan malahan turut menyatukan masyarakat sejagat.

Huraikan kesan-kesan peperangan kepada masyarakat sejagat.

- 5 Peribahasa 'Sediakan payung sebelum hujan' sangat popular dalam kalangan masyarakat Melayu. Peribahasa ini menjelaskan kepentingan sikap beringat-ingat sebelum ditimpa kesusahan.

Jelaskan kepentingan-kepentingan amalan peribahasa tersebut dalam kehidupan masyarakat.

**Bahagian B****Soalan 1**Pendahuluan

sebagai sebuah negara yang sedang membangun, kemudahan Internet dapat dinikmati oleh masyarakat di mana-mana sahaja – perkhidmatan Internet tanpa wayar dapat diaplikasi di kawasan terbuka yang menyediakan kemudahan tersebut

Isi-isi Penting

- (a) sebagai murid, saya akan menggunakan kemudahan Internet untuk mengakses maklumat mengikut keperluan semasa – memanfaatkan kemudahan tersebut untuk meningkatkan ilmu pengetahuan
- (b) saya dan rakan-rakan dari luar negara bertukar-tukar pendapat melalui laman sembang menggunakan Internet – sebagai remaja, saya memerlukan kawan yang banyak untuk bertukar-tukar pendapat bagi meningkatkan pengetahuan dan pengalaman
- (c) maklumat yang berkaitan dengan mata pelajaran juga dapat saya peroleh melalui blog yang disediakan oleh guru-guru pakar bagi mata pelajaran tersebut – saya juga dapat membuat latihan bagi setiap mata pelajaran secara interaktif menggunakan Internet
- (d) saya juga dapat membantu ibu bapa membayar bil melalui Internet – pembayaran bil secara maya amat mudah – dapat menjimatkan masa dan kos pengangkutan
- (e) saya juga mendapat peluang perniagaan melalui Internet – saya telah membina blog sendiri dan mengutarakan pelbagai isu untuk dibahas oleh orang lain – jika blog saya dilayari, saya akan dibayar dengan sejumlah bayaran

Penutup

Internet sangat penting kepada masyarakat kini – semua orang terutamanya murid seperti saya perlu memanfaatkan penggunaan Internet secara maksimum – dapat meningkatkan kemahiran seseorang dalam penggunaan teknologi maklumat

**Soalan 2**Pendahuluan

berikan gambaran tentang suasana kehidupan dalam keluarga yang bahagia – kaitkan situasi tersebut sebagai strategi untuk menyelamatkan anak-anak daripada elemen-elemen yang tidak baik

Isi-isi Penting

- (a) memupuk suasana berkasih sayang dan saling menghormati dalam kalangan anggota keluarga – dapat merapatkan hubungan kekeluargaan
- (b) menyemaikan nilai-nilai murni dalam kalangan anggota keluarga – membentuk personaliti yang baik dalam diri setiap anggota keluarga – sentiasa patuh dan taat
- (c) mengambil beberapa contoh keluarga lain yang berjaya hasil daripada wujudnya keharmonian dan kasih sayang – memberikan semangat kepada anggota keluarga untuk membentuk keluarga yang bahagia
- (d) menyediakan prasarana dan sumber rezeki yang halal dan sihat untuk anak-anak – dapat melahirkan anggota keluarga yang bersih daripada perkara-perkara yang negatif
- (e) mewujudkan sikap saling membantu dan saling menyokong dalam kalangan anggota keluarga – makan bersama-sama, beriadah, bergotong-royong

Penutup

nyatakan harapan anda agar masyarakat Malaysia dapat melahirkan keluarga yang penyayang sebagai suatu usaha untuk mencegah perkara-perkara yang tidak baik

**Soalan 3**Pendahuluan

masyarakat sepatutnya hidup sandar-menyandar bak aur dengan tebing – kehidupan seperti inilah yang bakal menjanakan masyarakat yang prihatin, dinamik, dan progresif – akibat perubahan zaman yang mengejar kerjaya dan kehidupan, manusia mula mengabaikan nilai-nilai yang mulia

Isi-isi Penting

- (a) menghidupkan tradisi masyarakat dahulu semula – masyarakat dahulu mempunyai hubungan kejiwaan yang kuat – menyuburkan tradisi kunjung-mengunjungi – tradisi bergotong-royong dan hormat-menghormati sesama jiran
- (b) berusaha untuk memupuk persefahaman sesama jiran tetangga – jiran ibarat saudara-mara sendiri – sentiasa bersama-sama dalam menghadapi sebarang masalah
- (c) mengembalikan tradisi secara contoh dan teladan – golongan yang berpengaruh dalam masyarakat hendaklah menjadi suri teladan kepada anggota masyarakat yang lain – ibu bapa mendidik anak-anak tentang cara-cara untuk menghormati orang yang lebih tua
- (d) saling membantu dan menyokong dalam urusan sehari-harian – golongan yang berada sentiasa menjadi tempat untuk golongan miskin membuat rujukan manakala golongan yang miskin dan sederhana sentiasa menghormati dan menyokong golongan yang berada
- (e) golongan tua sentiasa dijadikan pakar rujuk dalam pelbagai perkara – menghormati kedudukan mereka dalam masyarakat – menghargai pengalaman dan usia mereka mengatasi pangkat dan darjat

Penutup

budaya yang diwarisi sejak turun-temurun itu semakin dilupakan oleh masyarakat global

**Soalan 4**Pendahuluan

peperangan menyebabkan penderitaan, kematian, dan kemusnahan – mengundang simpati dalam kalangan masyarakat sejagat – memberikan bantuan kemanusiaan kepada rakyat yang dilanda perang – menyatukan masyarakat dunia tanpa mengira sempadan negara

Isi-isi Penting

- (a) menghulurkan bantuan dan sokongan dalam bentuk wang ringgit – menghulurkan bantuan berupa bekalan makanan dan ubat-ubatan – berusaha untuk mengurangkan bebanan dan penderitaan yang ditanggung oleh mangsa perang – menyatukan masyarakat
- (b) melalui Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, manusia sejagat menghulurkan bantuan – misi kemanusiaan yang melibatkan pelbagai negara – menghantar pasukan perubatan untuk merawat mangsa-mangsa perang – berpayung di bawah panji PBB
- (c) masyarakat sejagat mencapai kata sepakat untuk menghulurkan bantuan ketenteraan – menjadi tentera pengaman di negara-negara yang bergolak – melindungi mangsa perang – membaik pulih negara-negara yang menghadapi kemusnahan
- (d) masyarakat sejagat bersatu hati membina prasarana yang telah musnah – prasarana seperti jalan raya, pengangkutan, hospital, dan sekolah yang telah musnah dibina semula
- (e) masyarakat sejagat bersatu hati menolak dan mengutuk sebarang bentuk peperangan melibatkan perhimpunan antarabangsa – tanpa mengira bangsa dan negara mereka mengutuk sebarang bentuk keganasan

Penutup

penyatuan yang terbentuk dalam kalangan masyarakat sejagat dapat membela nasib yang dihadapi oleh mangsa-mangsa di negara yang dilanda perang – bersama-sama menghulurkan bantuan dan membina semula negara-negara yang menghadapi kemusnahan akibat perang

**Soalan 5**Pendahuluan

terdapat banyak peribahasa yang mempunyai maksud yang tersirat dalam kehidupan masyarakat Melayu – kita perlu bersedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan ialah maksud peribahasa ‘sediakan payung sebelum hujan’

Isi-isi Penting

- (a) seseorang yang mengamalkan peribahasa ini akan menjadikan amalan menabung sebagai amalan – mendidik anak-anak agar menabung dan menyimpan wang sejak mereka masih kecil – wang simpanan dapat digunakan untuk kegunaan ketika melanjutkan pelajaran

- (b) seseorang yang mengamalkan peribahasa 'sediakan payung sebelum hujan' akan meneroka ilmu dengan gigih tanpa berasa jemu – menimba ilmu yang merangkumi pelbagai bidang sebagai persediaan untuk menghadapi masa hadapan yang serba mencabar
- (c) ibu bapa yang mengamalkan peribahasa ini akan membeli polisi insurans sebagai perlindungan untuk diri sendiri dan anggota keluarga – semua masalah yang berkaitan dengan kesihatan, kemalangan, dan kematian dapat diurus oleh pihak insurans
- (d) anggota masyarakat yang bekerja sendiri seperti penoreh getah dan nelayan perlu bersiap sedia untuk menghadapi musim tengkujuh – sebahagian daripada pendapatan mereka disimpan untuk kegunaan ketika musim tengkujuh – tidak menghadapi masalah kewangan apabila mereka tidak dapat turun ke laut
- (e) para siswazah yang melanjutkan pelajaran ke peringkat pascaijazah sebenarnya telah mengamalkan peribahasa ini – tidak mustahil sekiranya semua kakitangan kerajaan kumpulan profesional perlu memiliki sarjana dalam bidang tertentu untuk melayakkan mereka diterima sebagai pekerja baharu

#### Penutup

peribahasa 'sediakan payung sebelum hujan' merupakan legasi masyarakat dahulu kepada masyarakat kini – amat wajar dijadikan amalan dalam kehidupan kita – generasi kini perlu menjadikan sikap masyarakat dahulu yang sentiasa beringat-ingat sebagai teladan dalam menjalani kehidupan

KERTAS 2 [1103/2]

Dua jam tiga puluh minit

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **empat** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Jawapan bagi **Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d), dan Soalan 4** berdasarkan teks *Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4*.

**Soalan 1: Rumusan**

[30 markah]

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya, kemudian buat satu rumusan tentang **punca-punca pemanasan bandar dan kesannya kepada penghuni kota**. Panjangnya rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Pemanasan bandar menjadi suatu masalah alam sekitar yang mungkin *bertambah jauh titik hujungnya*. Fenomena ini berpunca daripada kegiatan pembukaan tanah dan proses pembandaran yang semakin meningkat untuk memenuhi keperluan penduduk. Suasana pemanasan itu tidak dapat dielakkan kerana proses pembandaran telah menjelmakan fenomena Pulau Haba Bandar.

Fenomena tersebut wujud apabila haba terperangkap dalam konkrit dan kemudian dibebaskan ke kawasan persekitarannya pada waktu malam. Pulau Haba Bandar menghasilkan suhu yang lebih panas berbanding dengan kawasan luar bandar yang kurang mengalami pembangunan. Dalam pola harian, pulau haba di kawasan bandar lebih ketara berbanding dengan kawasan lain yang kurang maju. Kewujudan pulau haba menyebabkan keadaan hangat pada waktu malam dan penurunan suhu pada waktu pagi. Peningkatan suhu itu berkaitan dengan permukaan kawasan bandar yang menyerap haba matahari secara berlebihan jika dibandingkan dengan kawasan yang mempunyai tumbuh-tumbuhan hijau semula jadi. Hal ini memperlihatkan perbezaan suhu di ruang udara dan permukaan kawasan bandar sangat ketara ketika hari cerah. Menerusi perspektif ini, dapat kita rumuskan bahawa persekitaran yang lebih panas itu didorong oleh kawasan bandar yang terdapat pelbagai permukaan buatan manusia yang meningkatkan penyerapan dan pelepasan haba lebih tinggi berbanding dengan kawasan yang ada tumbuh-tumbuhan hijau.

Kebanyakan permukaan kawasan di bandar diturap dan disimen lalu menyebabkannya mudah menjadi lebih panas. Dalam situasi begini, manusia yang terpaksa bertarung dengan persekitaran demikian sudah pasti berhadapan dengan pelbagai kesan penyakit termasuk kemungkinan terjejasnya tahap kesihatan akibat kekurangan air dalam badan. Suasana ini ada kaitan langsung dengan keadaan di kawasan bandar yang landskapnya diliputi bumbung dan keterbatasan kawasan hijau. Oleh sebab itu, strategi mitigasi dan pencegahan perlu dilaksanakan untuk melindungi manusia daripada haba dan ketidakselesaan. Pada masa ini, belum wujud proses pemerangkapan haba secara efisien di dalam bangunan sama ada bangunan kerajaan atau milik persendirian dan kediaman. Suasana permukaan yang mengalami kepanasan itu bertambah tidak selesa apabila bumbung yang panas mewujudkan persekitaran dalaman yang lebih panas. Keadaan ini mengurangkan keselesaan termal dalaman dan mendorong penggunaan tenaga sistem penyaman udara yang lebih tinggi.

Isu pemanasan bandar bersifat semasa dan sejagat serta perlu ditangani oleh semua pihak. Kegagalan kita mengatasi masalah ini akan menyebabkan kesan jangka panjang dari segi sosial dan ekonomi kepada penduduk. Sehubungan dengan itu, tindakan untuk menyejahterakan penghuni bandar mesti berjalan terus untuk meningkatkan kualiti kehidupan mereka agar setanding dengan penghuni bandar di negara-negara lain.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Fenomena Pemanasan Bandar Ancam Nyawa'  
oleh Mohd Fadhil Md Din, *Berita Harian*, 14 April 2015

### **Soalan 1: Rumusan**

#### Pendahuluan

- Petikan membincangkan sebab-sebab berlakunya pemanasan di kawasan bandar di negara ini.
- Petikan membincangkan faktor-faktor pemanasan bandar dan implikasinya kepada penghuni kota.
- Rumusan membincangkan faktor-faktor pemanasan bandar dan kesannya kepada penghuni kota.

#### Isi-isi Tersurat (Punca-punca pemanasan bandar)

1. Kegiatan pembukaan tanah dan proses pembangunan yang semakin meningkat.
2. Haba terperangkap dalam konkrit dan kemudian dibebaskan ke kawasan persekitaran.
3. Pulau haba di kawasan bandar lebih ketara berbanding dengan kawasan lain.
4. Permukaan kawasan bandar menyerap haba matahari secara berlebihan.
5. Permukaan kawasan bandar terdapat pelbagai permukaan buatan manusia.
6. Kebanyakan permukaan kawasan di bandar diturap dan disimen.
7. Landskapnya diliputi bumbung dan keterbatasan kawasan hijau.
8. Belum wujud proses pemerangkapan haba secara efisien di dalam bangunan.
9. Bumbung yang panas mewujudkan persekitaran dalaman yang lebih panas.

#### Isi-isi Tersirat (Kesannya kepada penghuni kota)

1. Penduduk berhadapan dengan penyakit yang berkaitan dengan haba panas.
2. Penghuni kawasan bandar mudah mengalami keletihan dan kelesuan.
3. Penghuni kawasan bandar lebih mudah mendapat strok haba.
4. Orang yang tidak tahan cuaca yang terlalu panas akan keletihan dan lemah.
5. Mudah berlaku kebakaran di kawasan-kawasan tertentu di bandar.
6. Mendatangkan kemudaratan kepada mereka yang terpaksa bekerja di lapangan.

#### Penutup/Kesimpulan

Kesimpulannya, penghuni kawasan bandar perlu sentiasa berwaspada agar tidak terdedah kepada penyakit yang berkaitan dengan hawa panas.



**Soalan 2: Pemahaman**

[35 markah]

**Soalan 2(a) – Petikan Umum**

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud *bertambah jauh titik hujungnya*. [2 markah]  
*... maksud: belum jelas kaedah penyelesaiannya*
- (ii) Pengarang mengemukakan beberapa kesan yang dialami oleh penghuni bandar akibat situasi yang semakin panas itu.  
 Apakah kesan-kesan tersebut? [3 markah]  
*... berhadapan dengan pelbagai kesan penyakit – tahap kesihatan terjejas – mengalami kekurangan air dalam badan*
- (iii) Kawasan bandar menjadi tumpuan penduduk sehingga menyebabkan kepadatan dan kesesakan. Pada pendapat anda, apakah faktor-faktor kawasan bandar tetap menjadi pilihan orang ramai sebagai kawasan kediaman walaupun mereka terpaksa berhadapan dengan masalah pemanasan bandar? [4 markah]  
*... terdapat banyak peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor ekonomi – kawasan bandar menjadi pusat kewangan – banyak pusat pendidikan yang menawarkan pelbagai kursus didirikan di kawasan bandar – terdapat pelbagai kemudahan yang memberikan keselesaan kepada mereka*

**Soalan 2(b) – Petikan Cerpen**

Baca petikan cerpen di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Pada hari keenam, kami berpeluang melawat Egyptian Market, sebuah tempat membeli-belah yang mempunyai dataran burung merpati jinak seperti di Trafalgar Square. Kedudukannya di pinggir Selat Bhosporus yang menemukan arus benua Asia dan Eropah membuatkan suhu di situ begitu sejuk. Kedua-dua belah tanganku menggigil di dalam poket jaket lain. Kedua-dua belah kakiku yang bersarung stoking bulu kambing di dalam kasut kulit, turut terasa dingin.

Aku tidak dapat membayangkan jika aku menjadi wanita tua yang menjual makanan burung di situ. Pakaianya hanya kain kapas yang nipis. Tudungnya ditarik menutupi sebahagian mukanya yang merah kesejukan. Kakinya berstoking lusuh. Kasutnya, aku tidak pasti sama ada aku sedang melihat warna stoking kehijauan di hujung kasutnya yang koyak, atau warna kasutnya.

Aku membeli tiga piring makanan burung dan memberinya LT5 walaupun harga satu piring cuma LT1. Wanita tua itu menyusun sepuluh jari sebelum mengarahkan jarinya ke dada sebagai tanda terima kasih. Aku menaburkan bijirin. Beratus-ratus burung merpati berterbangan turun dari kubu tinggalan kerajaan Uthmaniah.

Dipetik daripada cerpen 'Jaket Kulit Kijang dari Istanbul'  
 oleh Maskiah Haji Masrom  
 dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*  
 Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berdasarkan petikan cerpen, nyatakan gambaran tentang wanita tua yang menjual makanan burung di Egyptian Market. [2 markah]  
*... berpakaian hanya daripada kain kapas yang nipis – bertudung dengan menarik bagi menutupi sebahagian mukanya yang merah kesejukan – kakinya berstoking lusuh – berkasut warna hijau atau berstoking warna kehijauan di hujung kasutnya yang koyak*

- (ii) Berniaga adalah antara sumber pendapatan yang menguji kekuatan fizikal dan mental seseorang. Pada pandangan anda, mengapakah “aku” tidak sanggup menjadikan dirinya sebagai wanita tua yang menjual makanan burung di Egyptian Market? [3 markah]  
 ...faktor cuaca yang sejuk – faktor jumlah pendapatan harian yang diterima tidak menentu – faktor kesihatan
- (iii) Huraikan **satu** nilai murni yang terdapat dalam petikan dan **satu** nilai murni lain daripada keseluruhan cerpen yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]  
 ...satu nilai murni yang terdapat dalam petikan: nilai baik hati, contohnya, “aku” menyerahkan wang sebanyak LT5 untuk harga makanan burung yang hanya LT1  
 ...nilai murni lain daripada keseluruhan cerpen yang tidak terdapat dalam petikan: nilai kesabaran, contohnya, penulis bersabar dengan tindakan peniaga yang menggunakan kata-kata kesat dan memaksanya membeli jaket ketika urusan jual beli

### Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Seketika lagi maka Laksamana pun datang membawa syahwat dan keris Kertala Sari. Maka sembah Bendahara, “Inilah, tuanku *pertandaan yang sungguh*. Pada bicara patik, jika lain daripada Laksamana, tiada akan dapat membunuh penjurit itu. Jangankan membunuh dia, menentang matanya pun tiada dapat.” Maka segala mereka itu pun masing-masing tunduk kemalu-maluan, lalu kembali.

Maka titah baginda, “Bagaimana tipu Laksamana maka dapat membunuh penjurit itu?”

Maka diceritakannya segala hal-ehwalnya. Maka baginda pun hairan terlalu sukacita. Maka baginda pun memberi anugerah akan Laksamana. Maka sembah Laksamana, “Ya tuanku, baiklah titahkan segala rakyat berangkat segala harta itu.”

Maka titah raja pada Tun Kasturi, “Pergilah Bentara menghadapi orang mengangkut segala harta dan kerahkan segala orang mengangkut harta itu.”

Maka Bentara pun menyembah lalu pergi dengan rakyat mengangkut segala harta itu di Bukit Cina. Maka harta itu pun terlalu banyak. Maka segala harta itu ditimbunkan di halaman balairung itu, tujuh hari tujuh malam berangkat segala harta itu.

Dipetik daripada ‘Kepimpinan Melalui Teladan’  
 dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berikan maksud *pertandaan yang sungguh*. [2 markah]  
 ...maksud: bukti/alibi yang sah/tepat
- (ii) Bendahara telah mengemukakan beberapa sebab yang meyakinkan raja bahawa orang yang sebenarnya membunuh Kertala Sari ialah Laksamana.  
 Nyatakan sebab-sebab tersebut. [3 markah]  
 ...Laksamana datang dengan membawa dua bukti yang sah dan tepat, iaitu syahwat dan keris Kertala Sari – pahlawan lain berasa gentar/takut berlawan dengan Kertala Sari – hanya Laksamana yang berani menentang kehebatan Kertala Sari
- (iii) Mengembalikan harta yang dicuri kepada pemiliknya semula merupakan tindakan yang murni. Seandainya anda raja, apakah tindakan-tindakan yang anda lakukan untuk mengembalikan harta benda rakyat Melaka yang telah dicuri oleh Kertala Sari itu semula? [3 markah]  
 ...menguar-uarkan berita itu kepada seluruh rakyat jelata yang kehilangan harta benda – meminta setiap orang mengenal pasti dengan sah harta kepunyaan mereka yang telah dicuri oleh Kertala Sari – menubuhkan satu pasukan bagi merekodkan setiap harta benda yang diambil semula oleh rakyat untuk mengelakkan penipuan/ketidajujuran – menasihati rakyat jelata agar tidak mengambil harta orang lain kerana perbuatan tersebut salah di sisi agama dan undang-undang – bertindak tegas terhadap rakyat yang menipu tentang pengambilan harta yang dicuri itu

**Soalan 2(d) – Sajak**

Baca sajak di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**Sang Gembala Kuda**

Dia lelaki bergelar perkasa  
dengan cemeti keberanian di tangan  
rembat angkuhnya memacu takut  
menghalau kuda-kuda di padang  
berebutan memburu kandang.

Rumput dan jerami yang terhidang  
adalah kanun janji kesetiaan  
dimamah rakus kala lapar  
tak peduli nasib diri setelah kenyang  
jadi tunggangan memburu rakan.

Dia lelaki punya kuasa  
sesekali suaranya lebih gempita  
daripada ringkik kuda sekandang  
pacuannya diiring seribu keberanian  
meredah onak di rimba perburuan  
meranduk lumpur di paya penindasan  
sambil melibas cemeti durjana  
dia melampar muslihat  
aku penyelamat maruah  
berjuang atas dasar kebenaran  
*menentang semua kebobrokan.*

Dia lelaki sang gembala kuda  
hanya mengenal pantas tunggangan  
tanpa membaca keletihannya  
dia lelaki sang gembala kuda  
hanya tahu mengejar kehebatan  
tanpa menghitung kesakitannya  
dan kuda-kuda itu ditunggangi  
ditunggangi dan ditunggangi!

Dipetik daripada sajak 'Sang Gembala Kuda'  
oleh Mohd Hashim Othman  
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berdasarkan sajak tersebut, berikan maksud *menentang semua kebobrokan*. [2 markah]  
... *maksud: menangani/mengatasi/menyelesaikan segala masalah/musibah/kesulitan/kepayahan/kesusahan*
- (ii) Seseorang penjaga kuda perlu bersiap sedia dari segi mental dan fizikal untuk menjalankan tanggungjawabnya dengan baiknya.  
Pada pandangan anda, apakah sifat-sifat yang diperlukan oleh seseorang penjaga kuda untuk menghadapi pelbagai rintangan? [3 markah]  
... *sifat yakin/optimistik akan kemampuan diri sendiri ketika melakukan satu-satu perkara – sifat berani menempuh cabaran dan ujian – sifat bijaksana untuk membuat suatu keputusan atau tindakan – sifat sabar yang menjadi pendinding diri apabila sesekali menerima ujian atau cabaran*
- (iii) Huraikan **dua** persoalan yang terdapat dalam sajak tersebut. [4 markah]  
... *keberanian untuk menempuh cabaran, contohnya sang gembala/penjaga kuda berani berhadapan dengan segala cabaran/ujian – kebijaksanaan ketika merencanakan tindakan/keputusan, contohnya sang gembala/penjaga kuda bijak bertindak apabila berhadapan dengan satu-satu perkara/ujian*

**Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 markah]

Jawab semua soalan.

- (a) Tulis **satu ayat bagi setiap perkataan** di bawah ini untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.
- (i) berhadapan  
*Mahani lebih suka **berhadapan** muka dengan seseorang jika dia hendak menyelesaikan sesuatu kemelut yang berlaku dengan orang yang berkenaan.*
  - (ii) berharap  
*Semua pelarian perang itu **berharapkan** pembelaan daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk melindungi dan membela nasib mereka.*
  - (iii) mengendalikan  
*Jurumudi yang cekap dan berpengalaman sahaja yang dapat **mengendalikan** kapal ketika melayari kawasan teluk yang penuh dengan terumbu karang itu.*
  - (iv) mengendalakan  
*Pertentangan pendapat dalam kalangan segelintir penduduk kampung telah **mengendalakan** rancangan pembangunan di kawasan yang mundur itu.*
  - (v) pertambahan  
*Beberapa buah negeri di Malaysia sedang mengalami **pertambahan** penduduk yang besar akibat kemasukan rakyat asing ke negara ini.*
  - (vi) pertumbuhan  
*Ekonomi negara sedang mengalami **pertumbuhan** yang pesat belakangan ini.*

[6 markah]

- (b) Tukar **ayat aktif** di bawah ini kepada **ayat pasif** tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) Pekerja asing sering melanggar peraturan imigresen.  
*Peraturan imigresen sering dilanggar oleh pekerja asing.*
- (ii) Kami tidak dapat menerima syarat tawaran pekerjaan secara kontrak.  
*Syarat tawaran pekerjaan secara kontrak tidak dapat kami terima.*
- (iii) Kita tidak wajar meragui kejujuran mereka tanpa alasan yang munasabah.  
*Kejujuran mereka tidak wajar kita ragui tanpa alasan yang munasabah.*

[6 markah]

- (c) Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan dari segi imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Apabila kita berhadapan dengan dunia maklumat yang luarbiasa, setiap maklumat yang kita terima harus ditangani dengan betulnya agar tidak mengundangi dendam kesumat sesama sendiri.  
*Kesalahan ejaan: luarbiasa – luar biasa*  
*Kesalahan dari segi imbuhan: mengundangi – mengundang*

- (ii) Gulungan penyelidik bertanggungjawab untuk banyakkkan penulisan yang berhubung dengan kajian mereka untuk membantu masyarakat menimba ilmu apabila membaca hasil kajian tersebut.

*Kesalahan ejaan: Gulungan – Golongan*

*Kesalahan dari segi imbuhan: banyakkkan – membanyakkkan*

- (iii) Zaman yang melibatkan kadar celik huruf masyarakat yang rendah tidak musytahil akan tetap mengulang sekiranya rakyat menyerahkan bidang pendidikan kepada kerajaan semata-mata.

*Kesalahan ejaan: musytahil – mustahil*

*Kesalahan dari segi imbuhan: mengulang – berulang*

[6 markah]

- (d) Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Pembabitan kakitangan Perusahaan Kecil dan Sederhana dalam bidang pengeluaran makanan memerlukan mereka mendapatkan lebih banyak peruntukan-peruntukan serta kemudahan infrastruktur yang bersesuaian untuk membantu mereka memasarkan produk.

*Kesalahan penggunaan kata/istilah: kakitangan – usahawan*

*Kesalahan tatabahasa: lebih banyak peruntukan-peruntukan – lebih banyak peruntukan*

- (ii) Majikan perlu mewujudkan waktu kerja selaras untuk menarik minat wanita agar terus kekal di dalam sektor pekerjaan terutama bagi golongan wanita profesional yang sudah berumah tangga.

*Kesalahan penggunaan kata/istilah: selaras – anjal*

*Kesalahan tatabahasa: di dalam – dalam*

- (iii) Pembangunan yang tidak terikut telah merosakkan alam sekitar yang tersangat penting sekali untuk kehidupan manusia.

*Kesalahan penggunaan kata/istilah: terikut – terkawal*

*Kesalahan tatabahasa: tersangat penting sekali – sangat penting/penting sekali*

[6 markah]

- (e) Baca ayat-ayat di bawah ini dengan telitinya dan kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan ayat-ayat tersebut.

- (i) Saya sudah lama tinggal di bandar yang pesat membangun tetapi kampung halaman saya yang kaya dengan keindahan alam semula jadi sentiasa terbayang-bayang dalam ingatan.

*Tempat jatuh lagi dikenang, inikan pula tempat bermain*

- (ii) Pemuda itu sentiasa menyuruh rakan-rakannya agar berbuat baik sedangkan dia sendiri bergelumang dengan pelbagai perbuatan yang menyalahi undang-undang.

*Seperti ketam menyuruh anaknya berjalan dengan betul*

- (iii) Walaupun terpaksa bekerja berhempas pulas untuk menyara keluarganya, namun hal itu tidak menjadi beban kepada Pak Imran kerana rutin tersebut sudah menjadi kebiasaan bagi dirinya.

*Alah bisa tegal biasa*

[6 markah]

**Soalan 4: Novel**  
[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah ini berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) *Jendela Menghadap Jalan* karya Ruhaini Matdarin
- (ii) *Leftenan Adnan Wira Bangsa* karya Abdul Latip Talib
- (iii) *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Noor
- (iv) *Pantai Kasih* karya Azmah Nordin

- (a) Pelbagai kritikan sosial digambarkan oleh penulis dalam novel-novel yang dihasilkannya untuk memberikan pengajaran kepada pembaca.

Huraikan **dua** peristiwa yang menggambarkan kritikan sosial terhadap masyarakat dalam sebuah novel yang anda pelajari. [7 markah]

- (b) Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, jelaskan **tiga** latar masa beserta peristiwa yang terdapat dalam novel tersebut. [8 markah]

**Soalan 4: Novel**

*Novel Jendela Menghadap Jalan*

- (a) *Peristiwa yang menjadi kritikan sosial terhadap masyarakat:*

... *Peristiwa Rafiq dan Haziq yang terlibat dengan penagihan dadah. – Peristiwa ini mengkritik sifat individu yang sanggup melakukan perbuatan bodoh yang boleh menjejaskan kesihatan dan mengancam nyawa.*

... *Peristiwa Rashid yang terlupa akan janjinya terhadap Lili. – Peristiwa ini mengkritik sifat individu yang mudah menabur janji tetapi sukar untuk menunaikan janji.*

- (b) *Latar masa dan peristiwa:*

... *Waktu siang – Peristiwa Lili, Geetha, dan Danel menaiki bas ekspres yang sama dari Kuala Lumpur menuju ke Pekan Sentosa dan Pekan Sejahtera di Dungun, Terengganu.*

... *Waktu petang – Peristiwa Rashid telah menjemput Lili di Pekan Sentosa untuk membawanya pulang ke rumah neneknya di Kampung Sentosa.*

... *Waktu malam – Peristiwa Lili membeli sehelai kemeja bercorak batik yang dibayar oleh Rashid manakala Rashid pula membeli sebuah topi ketika mereka mengunjungi pasar malam di pekan.*

*Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa*

- (a) *Peristiwa yang menjadi kritikan sosial terhadap masyarakat:*

... *Peristiwa orang-orang kampung Sungai Ramal yang menentang pandangan Pak Saidi yang mahu menghantar anak-anaknya ke sekolah beraliran Inggeris. – Peristiwa ini mengkritik masyarakat kampung yang masih berfikiran sempit sehingga sukar menerima perubahan yang berlaku.*

... *Peristiwa Samad yang diberikan imbuhan kerana menjadi pengintip askar Jepun yang ditugaskan mengintip pergerakan dan kedudukan tentera British di Pasir Panjang. – Peristiwa ini mengkritik sifat individu yang mementingkan diri sendiri sehingga tergamak mengambil kesempatan ketika penduduk berhadapan dengan kesusahan hidup.*

- (b) *Latar masa dan peristiwa:*

... *Waktu siang – Contohnya, peristiwa Pak Saidi sekeluarga yang hadir di tempat berlangsungnya pertandingan syarahan bahasa Inggeris yang disertai oleh Adnan.*

... *Waktu malam – Contohnya, peristiwa Adnan yang sempat memaling kayu belatinya ke arah seorang daripada dua lembaga yang sedang menceroboh halaman rumah mereka.*

... *Waktu tengah malam – Contohnya, peristiwa askar Jepun yang telah berlabuh di Pantai Kuala Pak Amat, Kelantan pada 8 Disember 1941.*

**Novel *Di Sebalik Dinara*****(a) Peristiwa yang menjadi kritikan sosial terhadap masyarakat:**

- ... Peristiwa Medina yang berdendam terhadap Karl yang berpunca daripada sikap angkuh Karl.  
– Peristiwa ini mengkritik sifat individu yang bersikap angkuh, mementingkan kepentingan diri sendiri, dan cuba mengatasi antara satu sama lain hingga mengetepikan norma-norma kemanusiaan.
- ... Peristiwa Alia, Aqram, dan Medina yang menjadi mangsa kerakusan saintis Karl semasa melakukan uji kaji mereka. – Peristiwa ini mengkritik sifat individu yang tidak mempedulikan nasib dan kebajikan manusia yang dijadikan bahan uji kaji mereka.

**(b) Latar masa dan peristiwa:**

- ... Waktu siang – Contohnya, peristiwa kehadiran Farisha ke Soft Lab yang telah disambut oleh Dr. Maxi, iaitu seorang kakitangan penting di Soft Lab itu. Dr. Maxi menerangkan tawaran langsung yang dibuat kepada Secured Shell.
- ... Waktu petang – Contohnya, peristiwa Farisha yang sempat menatap wajah ayah kandungnya, iaitu Karl yang terbaring di katil rumahnya.
- ... Waktu malam – Peristiwa Karl menghembuskan nafasnya yang terakhir. Karl berwasiat agar mayatnya dibakar dan abunya ditaburkan di Selat Melaka.

**Novel *Pantai Kasih*****(a) Peristiwa yang menjadi kritikan sosial terhadap masyarakat:**

- ... Peristiwa Doktor Uwang yang mempunyai hubungan sulit dengan wanita lain walaupun sudah beristeri. – Peristiwa ini mengkritik sifat individu yang bersifat hidung belang dan curang terhadap pasangannya.
- ... Peristiwa Felicia yang sanggup menerima rasuah daripada Doktor Uwang. – Peristiwa ini mengkritik sifat individu yang tamakkan duit hingga sanggup menggadaikan maruah diri.

**(b) Latar masa dan peristiwa:**

- ... Waktu siang – Peristiwa Raiha melayan kerenah pesakit, iaitu Unong Siron dan ibunya dengan begitu sopan dan berbudi bahasa.
- ... Waktu petang – Peristiwa Felicia yang bertugas sebagai ketua jururawat atau Sister telah memulakan shiftnya pada sebelah petang di Pusat Rawatan Pantai Kasih (PRPK).
- ... Waktu malam – Peristiwa Doktor Uwang yang mengunjungi kelab malam eksklusif untuk menenangkan fikirannya yang ditujah dengan suara dan gambaran kanak-kanak perempuan yang mirip dengan wajah anak Raiha yang telah meninggal dunia.